



"Harmonising Law and Social Norm"

International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS 2014)

Faculty of Law, UiTM Shah Alam, Selangor & Department of Law, UiTM Kedah, Malaysia

10 & 11 September 2014

**Pengagihan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M): Keadilan Sosial
versus Strategi Politik**

Mohd Idham Mohd Yusof

UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Nor Suhaiza Md Khalid

UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

suhaizakhalid@yahoo.com

Zarina Mohd Zain

UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Nurul Akma Kamarudin

UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

ABSTRAK

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah memasuki fasa kedua pelaksanaannya. Pertikaian timbul samada langkah kerajaan ini sebenarnya adalah salah satu usaha pengagihan semula kekayaan atau lebih kepada strategi politik oleh parti pemerintah sebelum Pilihan Raya Umum yang ke-13. Pemberian BR1M ini adalah salah satu usaha murni untuk membantu kebanyakan masyarakat berpendapatan rendah dan pertengahan dalam menangani kos sara hidup namun pihak pembangkang langsung tidak bersetuju dengan pemberian BR1M ini. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kerelevanan pemberian BR1M kepada rakyat. Seramai 200 responden telah dipilih di mana mereka adalah penerima BR1M dan seramai 50 responden adalah dikalangan ahli akademik. Hasil kajian ini menunjukkan dua pandangan yang berbeza mengenai pemberian BR1M. Terdapat rakyat bersetuju bahawa BR1M adalah satu penghargaan di mana ia boleh membantu meringankan beban perbelanjaan mereka. Namun ada yang berpendapat bahawa BR1M adalah lebih kepada agenda politik untuk meningkatkan sokongan rakyat. Justeru terdapat keperluan untuk menambah baik pemberian BR1M kepada semua golongan rakyat. Ini adalah untuk memastikan keadilan sosial dapat dikekalkan.

Kata Kunci:

BR1M, keadilan sosial, dan strategi politik.

1.0 PENGENALAN

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri keenam iaitu Dato Seri Najib Tun Razak dalam bajet 2012 dengan bermatlamatkan untuk membantu rakyat yang kurang berkemampuan. Bantuan Khas RM500 akan diagihkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Di mana bantuan atau bayaran ini akan dibayar secara one-off kepada pemohon yang layak. BR1M diberi kepada pemohon yang layak adalah sebagai salah satu tanda prihatin kerajaan untuk menghulungkan bantuan bagi meringankan kos sara hidup yang semakin meningkat ini.

Kategori isi rumah yang layak memohon merujuk kepada seorang lelaki atau wanita yang menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah atau ketua keluarga. Ini merangkumi individu berkahwin termasuk anak yang berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa. Selain ibu atau bapa tunggal yang mempunyai Individu (bujang, duda, ibu tunggal) bujang yang tanggungan; Warga emas sebatang kara mempunyai tanggungan; dan Ketua isi rumah yang berkerja sendiri juga adalah layak untuk memohon (www.pmr.penerangan.gov.my). Kategori pemohon ini telah ditetapkan oleh kerajaan sebagai kumpulan yang patut dibantu serta diberi perhatian di dalam usaha kerajaan menurunkan kadar kemiskinan di Malaysia.

Usaha padu kerajaan memberi bantuan ini telah diterima umum oleh seluruh rakyat Malaysia yang mana rata-ratanya layak untuk memohon. Di bawah pengenalan konsep 1Malaysia ini kerajaan telah memperkenalkan pelbagai bantuan kewangan bagi membantu rakyat mengurangkan beban kewangan yang sedia ada. Hampir semua golongan rakyat di Malaysia merasa dengan bantuan yang diberi kerajaan ini. Bermula dengan golongan pelajar sekolah sehingga golongan warga emas serta ibu tunggal. Keprihatinan kerajaan untuk terus membantu rakyat yang kurang berkemampuan ini telah dipuji oleh banyak pihak dan rata-rata rakyat berharap agar bantuan ini dapat diteruskan di masa hadapan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pada pembentangan Bajet 2014, kerajaan telah mengumumkan pemberian bantuan tunai (BR1M 2014) dan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Bantuan ini adalah tanda keprihatinan kerajaan dalam usaha untuk membantu meringankan kos sara hidup serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar kepada golongan berpendapatan rendah. Secara keseluruhan, program BR1M 2014 dijangka akan

memanfaatkan hampir 5.9 juta isi rumah dan 2 juta individu bujang (<http://pmsarawak.treasury.gov.my/>).

Kajian ini dibuat bagi melihat pemahaman rakyat mengenai bantuan khas yang diberi oleh kerajaan pada sekumpulan golongan tertentu. Terdapat banyak maklum balas daripada pelbagai pihak termasuk kumpulan pembangkang mengenai bantuan ini. Salah faham ini mungkin akan memberi gambaran tidak elok pada usaha kerajaan ini. Bantuan khas ini diberi bagi meringankan kos sara hidup rakyat dan bukannya ada unsure-unsur politik di dalam pengagihan wang bantuan ini.

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bukan rasuah daripada kerajaan sebaliknya pemberian wang tersebut bertujuan memantapkan ekonomi sekaligus mengukuhkan pendapatan rakyat melalui langkah-langkah fiskal dan rasionalisasi subsidi. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pemberian BR1M merupakan bukti keikhlasan kerajaan BN membantu rakyat dan masuk kali ketiga disalurkan kepada golongan sasaran (<http://www.barisannasional.org.my/24.2.2014>).

Kerajaan tidak pernah pilih kasih atau mempersoalkan ideologi politik seseorang dalam memberikan pelbagai bantuan kepada rakyat. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata semua bentuk bantuan kepada rakyat selama ini adalah tanggungjawab kerajaan terhadap mereka yang memerlukan (<http://www.barisannasional.org.my/17.12.2014>).

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Untuk mengkaji tahap kefahaman terhadap pelaksanaan BR1M
- ii. Untuk melihat sama ada BR1M lebih menjurus ke arah memenuhi kepentingan social atau kepentingan politik

4.0 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini akan memfokuskan kepada penerima BR1M dan ahli akademik yang mana kedua-dua kumpulan ini akan menjawab soal selidik. Dua kumpulan ini akan membawa kepada hasil kajian yang jelas mengenai pemberian BR1M ini. Pemahaman terhadap BR1M

turut diambil berat bagi memastikan kedua-dua kumpulan peka terhadap objektif utama kerajaan member bantuan khas ini.

5.0 TINJAUAN LITERATUR

Selain daripada (BR1M) kerajaan juga telah memberikan Bantuan Persekolahan sebanyak RM 100 yang diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Melalui bantuan ini dilihat dapat membantu kira-kira 5.3 juta pelajar di seluruh negara dan tujuan bantuan ini diberi pada awal tahun ini adalah bagi memudahkan proses pembelian keperluan pembelajaran bagi setiap pelajar. Bebanan ibu bapa juga dilihat dapat dikurangkan kerana anak-anak dapat menggunakan wang bantuan persekolahan yang diberikan oleh kerajaan untuk menampung keperluan seperti membeli peralatan tulis dan buku-buku. Bantuan persekolahan ini juga menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap permasalahan rakyat mengenai masalah yang terpaksa di tanggung oleh ibu bapa setiap kali musim persekolahan bermula dalam menyediakan anak-anak agar mendapat suasana yang selesa dalam proses pembelajaran (<http://pmr.penerangan.gov.my/>).

Semua pemohon BR1M akan dimaklumkan mengenai keputusan kelayakan permohonan melalui pos secara berperingkat. Setiap pemohon yang berjaya akan menerima surat pemakluman masing-masing secara berperingkat-peringkat (dalam tempoh dua bulanselepas permohonan) dengan disertakan tarikh dan tempat majlis penyerahan baucar diadakan. Majlis penyerahan baucar kepada pemohon yang berjaya akan diadakan pada tarikh dan tempat yang ditetapkan dalam surat. Baucar bantuan boleh ditunaikan di cawangan bank terpilih (Bank Simpanan Nasional, CIMB dan Maybank) di seluruh negara. Permohonan masih terbuka dan bagi mereka yang gagal atas sebab teknikal boleh membuat rayuan.

Kriteria penerima BR1M 2014 (<http://pmsarawak.treasury.gov.my/>):

- a. bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan akan ditingkatkan daripada RM500 kepada RM650 ;
- b. Sebagai tambahan, kategori bantuan juga diperluaskan kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450;
- c. memperkenalkan caruman i-BR1M bernilai RM50 kepada penerima isi rumah BR1M dengan nilai perlindungan maksimum sehingga RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal;

- d. Warga emas sebatang kara (berumur 60 tahun dan ke atas) akan menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada RM500 kepada RM650; dan
- e. bagi kategori bujang berumur 21 tahun dan ke atas (lahir pada tahun 1993 atau sebelumnya) dengan pendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan akan ditingkatkan daripada RM250 kepada RM300.

Bagi penerima BR1M sedia ada, mereka tidak lagi perlu mendaftar untuk kali kedua manakala pemohon baru boleh mendaftar secara atas talian atau secara manual dengan mengisi borang permohonan BR1M 2014. Penerima BR1M sedia ada boleh membuat pengemaskinian maklumat bagi memasukkan maklumat data peribadi terkini merangkumi alamat, ahli keluarga dan maklumat akaun bank. Borang-borang permohonan boleh didapati secara percuma mulai tarikh tersebut, di Pejabat Cawangan dan Pusat Khidmat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Jabatan Pembangunan Persekutuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau dimuat turun melalui laman sesawang LHDNM : www.hasil.gov.my (<http://pmsarawak.treasury.gov.my/>).

6.0 KAEDAH KAJIAN

Sebelum penyelidikan dijalankan, beberapa perkara penting perlu dilakukan meliputi jumlah responden yang diperlukan, sama ada persampelan perlu dilakukan; pemilihan proses pengumpulan data sama ada melalui borang soalselidik, temubual, pemerhatian, ujikaji, kumpulan diskusi dan sebagainya; teknik pengiraan data dan metodologi yang digunakan. Ini adalah perlu bagi memastikan kajian yang dilakukan akan berjaya dengan segala maklumat yang lengkap dan mencukupi. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kuantitatif dan kualitatif.

Satu set borang soalselidik telah dibentuk berdasarkan sumber rujukan yang telah diperolehi. Ia terbahagi kepada empat bahagian. Soalselidik yang dirangka menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara kerana ia lebih mudah bagi kumpulan sasaran yang berbilang bangsa dan juga kerana Bahasa Melayu adalah bahasa perantara utama di kalangan kumpulan sasaran.

7.0 ANALISA KAJIAN

Setiap borang soalselidik yang diedarkan telah dianalisis menggunakan sistem SPSS Statistic 20. Berikut merupakan analisa hasil maklumbalas daripada respondens yang terlibat.

Jadual 7. 1: Profil responden

Perkara		Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	52	39.7
	Perempuan	79	60.3
Umur	18-25 tahun	101	77.1
	26-35 tahun	23	17.6
	36-45 tahun	4	3.1
	45 tahun ke atas	3	2.3
Bangsa	Melayu	118	90.1
	Cina	9	6.9
	India	4	3.1
Kategori Penerima BR1M	Isi rumah berpendapatan <RM3000	31	23.7
	Isi rumah berpendapatan antara RM3001-RM4000	24	18.3
	Bujang 21 tahun berpendapatan <RM2000	76	58

Hasil kajian mendapati majoriti responden adalah perempuan (60.3 %) yang berumur antara 18 hingga 25 tahun (77.1%) yang mana kebanyakan responden ini berbangsa Melayu (90.1%). Respondens yang memberi maklumbalas kepada kaji selidik ini juga merupakan penerima BR1M dari kategori bujang yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM2000. Oleh yang demikian, kumpulan sasaran untuk kaji selidik ini adalah tepat.

Jadual 7.2: Tahap Kefahaman Terhadap Pelaksanaan BR1M

Pernyataan	Mean	Std. Deviation
Hanya warganegara Malaysia sahaja yang layak menerima BR1M	4.7023	.65274
Penerima yang gagal menerima BR1M boleh membuat rayuan	4.4275	.62055
Untuk penerima kali kedua anda tidak perlu membuat pendaftaran baru	4.3571	.77384
Untuk penerima sedia ada, anda hanya perlu mengemaskini maklumat peribadi secara atas talian	4.1145	.85612
BR1M akan dibayar secara berperingkat samada secara baucer atau terus ke dalam akaun bank penerima	4.0992	1.00656

Hasil penilaian berkaitan tahap kefahaman responden terhadap pelaksanaan BR1M, didapati kebanyakan mereka faham dengan kaedah pelaksanaan ini kerana mereka bersetuju bahawa BR1M hanyalah untuk warganegara Malaysia sahaja (4.70) dan mereka maklum bahawa sekiranya mereka gagal dalam permohonan BR1M, mereka dibenarkan untuk membuat rayuan ke Kementerian Kewangan (4.42). Selain itu mereka juga maklum bahawa, untuk BR1M 2.0, penerima tidak perlu membuat pendaftaran baru (4.35) sebaliknya mereka hanya perlu mengemaskini maklumat peribadi secara atas talian (4.11). Mereka juga mengetahui bahawa BR1M akan dibayar secara berperingkat sama ada dalam bentuk baucer ataupun akan teruskreditkan ke dalam akaun penerima(4.09). Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan rata- rata responden faham akan pelaksanaan BR1M ini.

Jadual 7.3: Kelebihan BR1M Kepada Penerima

Pernyataan	Mean	Std. Deviation
Membantu menampung perbelanjaan harian	4.3969	.87424
Membantu menampung kos perubatan(ibu bapa atau sendiri)	4.3435	.69913
Membantu menampung yuran pengajian	4.0992	.99888
Membantu menampung bayaran utility (bil air, elektrik, telefon dll)	4.0840	.100295
Sebagai tabungan/ simpanan	3.9695	1.12959

Hasil maklumbalas yang diterima, kebanyakan responden bersetuju bahawa melalui pemberian BR1M ia sedikit sebanyak dapat membantu penerima dalam menampung perbelanjaan harian (4.39) di samping membantu kos- kos perubatan sama ada untuk diri sendiri mahupun untuk ahli keluarga (4.34). Bagi yang sedang melanjutkan pengajian pula, BR1M juga dapat membantu menampung yuran pengajian mahupun untuk membeli barang keperluan untuk pengajian (4.09). Oleh kerana, majority responden adalah penerima bujang, tentunya BR1M salah satu sumber bagi mereka untuk menyelesaikan semua komitmen kewangan terutama untuk bayaran bil- bil tertunggak (4.08) dan sekiranya mempunyai lebihan, duit yang diterima melalui BR1M ini juga akan disimpan sebagai tabungan (3.96). Oleh yang demikian, dapatlah dilihat di sini bahawa BR1M benar- benar membantu terutama kepada golongan pertengahan dalam menyelesaikan masalah perbelanjaan mereka.

Jadual 7.4: Maklumbalas Keseluruhan Berkaitan Pelaksanaan BR1M Oleh Kerajaan

Pernyataan	Mean	Std. Deviation
Pelaburan BR1M disalurkan tanpa mengambil kira bangsa dan	4.4656	.76759

agama		
Pengenalan BR1M disalurkan tanpa mengambil kira fahaman politik	4.2137	.94468
Pelaburan BR1M merupakan salah satu strategi kerajaan untuk meraih sokongan	4.1679	.75603
BR1M merupakan salah satu cara kerajaan menghargai sokongan rakyat terhadap mereka	4.1450	.95371
Kerajaan wajar meneruskan BR1M di masa hadapan bagi meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan	4.1374	.99044
BR1M memenuhi konsep 1Malaysia: 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'	4.1145	.97382

Bagi menilai pelaksanaan BR1M oleh kerajaan, responden diminta untuk memberi maklumbalas secara keseluruhan tentang pelaksanaan dan kepentingan BR1M itu sendiri. Majoriti responden berpendapat bahawa BR1M yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak langsung mengambil kira bangsa dan agama (4.46) yang mana setiap kaum yang berkelayakan akan menerima BR1M tersebut dan ia juga diberikan tanpa mengambil kira fahaman politik (4.21). Dalam masa yang sama, responden mengharapkan agar pemberian BR1M ini akan diteruskan kerana ia benar-benar dapat membantu rakyat (4.16). Walaupun dianggap bahawa BR1M merupakan salah satu strategi kerajaan untuk meraih sokongan rakyat (4.14) namun ia juga dianggap sebagai salah satu cara kerajaan menghargai sokongan rakyat terhadap kepada mereka (4.13). Secara keseluruhan, mereka bersetuju bahawa pemberian BR1M ini memenuhi konsep 1Malaysia (4.11).

8.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil dapatan yang diperolehi melalui maklumbalas responden didapati bahawa kebanyakan mereka faham akan segala maklumat berkenaan pelaksanaan BR1M ini dari segi permohonan sehinggalah kepada pemberian BR1M itu sendiri. Ini kerana kebanyakan responden pernah menerima BR1M jadi mereka tahu akan kaedah yang digunakan. Selain daripada itu, responden juga sangat bersetuju bahawa dengan pemberian BR1M ini ia sedikit sebanyak memberi manfaat kepada penerima. Ini kerana, daripada duit yang diterima, ia boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan harian di samping dapat membantu menampung kos kesihatan sama ada untuk mendapatkan rawatan mahupun untuk membeli ubat- ubatan.

Bagi pelajar pula, melalui duit BR1M, ia sedikit sebanyak dapat membantu bagi menyelesaikan yuran pengajian ataupun untuk membeli peralatan pengajian seperti buku, alat tulis dan lain-lain. Bagi golongan muda terutama bujang, tentunya mempunyai banyak komitmen kewangan setiap bulan seperti pembayaran bil- bil utiliti seperti bil elektrik, air, telefon, internet, kereta atau motor dan sebagainya, jadi melalui BR1M sekurang- kurangnya ia dapat membantu menambah sumber yang telah diperuntukan untuk membuat bayaran bagi semua bil- bil tersebut. Oleh yang demikian, secara keseluruhan, hasil kajian ini mendapati bahawa BR1M yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah benar- benar membantu sesuai dengan namanya 'Bantuan Rakyat 1Malaysia'. Ini kerana ia diberikan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum dan bangsa mahupun fahaman politik.

Walaupun dikatakan bahawa BR1M ini salah satu cara bagi rakyat untuk meraih sokongan daripada rakyat namun ia juga boleh dianggap sebagai tanda terima kasih kerajaan terhadap rakyat atas sokongan dan kepercayaan mereka dalam memberi peluang untuk mentadbir kerajaan. Jadi di sini berlaku lah situasi menang- menang dan tiada timbul isu mana- mana pihak untuk mengambil kesempatan antara satu sama lain. Justeru, responden mengharapkan agar pemberina BR1M ini akan diteruskan di masa hadapan kerana ia benar- benar memenuhi konsep '1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' seperti yang sering diwar-warkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak. Daripada keseluruhan dapatan membuktikan bahawa pemberian BR1M lebih menjurus ke arah keadilan social berbanding sebagai satu strategi atau agenda politik kerajaan semata- mata.

Rujukan

BN: Persepsi rakyat semakin baik. <http://www.utusan.com.my>. 11/7/2012.

Bantuan Rakyat 1Malaysia: Ringan Beban Rakyat. <http://pmp.penerangan.gov.my>. 14/8/2014.

Pelaksanaan Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (Br1m 2014). <http://pmsarawaktreasury.gov.my>. 17/12/2013.

Bantuan Rakyat 1Malaysia. <http://www.pemandu.gov.my>. 14/8/2014.

Inisiatif 1Malaysia. <http://www.1malaysia.com.my>. 14/8/2014.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat. <http://www.barisannasional.org.my>. 14/8/2014.

BR1M bukan rasuah. <http://www.barisannasional.org.my>. 24.2.2014.

Kerajaan tak pilih kasih beri bantuan. <http://www.barisannasional.org.my>. 17/12/2012.